

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-31

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

PANGGILAN HIDUP SUCI DI DALAM KRISTUS

Melangkah Ditarik Keupayaan Diri

Seringkali kita sercenderung untuk hidup secara individu. Kita sangat tertumpu untuk mengejar kebahagiaan dan impian kita secara aktif supaya dapat memenuhi keinginan peribadi kita yang paling mendalam. Dengan itu, 'kebahagiaan' menjadi sasaran utama kita. Dan celakalah kepada sesiapa sahaja yang menjadi penghalang kita daripada mencapai matlamat ini!



Saya berharap agar bukan hanya dipanggil Kristian, tetapi juga menjadi Kristian.

- Santo Ignatius dari Loyola

Biasanya, seseorang yang sering mengejar keinginannya boleh menghadapi halangan daripada orang yang lain. Ini adalah kerana keinginan kita boleh menjadi halangan kepada keinginan orang lain. Ini akan membawa kepada konflik diantara kita dan orang itu, dan akhirnya meretakkan hubungan di antara kita. Ia boleh berlaku di antara suami dan isteri, ahli keluarga, rakan dan rakan sekerja, dan juga di kalangan umat Kristian. Di dalam situasi seperti ini, kesatuan umat Kristian menjadi suatu cabaran. Ia menjadi lebih parah dengan idea 'kemakmuran Injil' (prosperity Gospel) yang sering disebut-sebut pada masa kini. Ini akan membawa kepada sifat mementingkan diri sendiri sehingga ada pemimpin-pemimpin gereja yang tertentu yang mungkin akan tunduk pada godaan populariti dan kemasyhuran.

Injil Matius 20:28 memberi tumpuan kepada Kristus yang datang untuk melayani dan memberikan nyawa-Nya untuk semua orang. Dia adalah model bagi setiap umat Kristian. Dengan cara ini, secara ironinya Yesus menjadi penghalang kepada cara hidup kontemporari kita. Kehidupan Kristus menjadi inspirasi hidup yang memerlukan usaha kerja, pengorbanan dan ketabahan dan bukannya sekadar tanggapan yang mengagumkan atau penyelesaian segera bagi setiap masalah kehidupan. Ia bermula dengan memberi pelayanan secara kecil-kecilan di dalam kehidupan seharian kita dan dengan kepercayaan, mula melangkah lebih jauh dengan berkongsi kehidupan sendiri kepada orang lain. Tambahan lagi, cintakasih sebagai umat Kristian bukan setakat sebuah konsep, tetapi satu kehidupan yang konkrit di dalam iman (1 Yohanes 3:18: "janganlah kasih kita di mulut sahaja. Kita hendaklah kasih-mengasih melalui perbuatan dan kebenaran yang sejati").

Dengan menghidupi kepercayaan sedemikian, kita dapat memahami panggilan Yesus yang menarik kita datang kepada-Nya. Seperti yang Dia nyatakan kepada penulis yang bijaksana di dalam Markus 12:34: "Kamu tidak jauh dari kerajaan Tuhan." Mungkin melalui peredaran masa dan amalan kita, kita akan dapat memahami dengan lebih baik akan pentingnya hubungan kita dengan orang lain. Tidak hairanlah dengan ucapan pengutusan selepas tamatnya Misa Kudus "Ite, Missa est" yang bermaksud "pergilah!" **Kita diutus untuk melayani.** Kita akan lebih menghargai makna sebenarnya apabila kita menyedari bahawa pengorbanan cinta kasih Tuhan menunjukkan ekspresi yang sama dengan cinta kasih kita terhadap sesama diantara kita. †

Perkataan mingguan

Kita diutus untuk melayani.

Saya menjadikan diri saya seorang pederita kusta di kalangan pesakit kusta demi memberikan segalanya untuk Yesus Kristus

— Santo Damian dari Molokai

mereka yang ditonjolkan dengan pakaian istimewa. Pernahkah anda mendengar kisah tentang Tom Monaghan - yang telah menjual rantaian Domino Pizza beliau sebanyak USD1billion, dan selepas itu memberi tumpuan khusus pada pembinaan Universiti Katolik untuk golongan muda, serta menubuhkan pertubuhan Katolik yang lain? Adakah anda masih ingat Ibu Teresa dari Kolkata yang menyarankan agar kita terus "memberi sehingga kita merasa sakitnya"?

Sebenarnya, kita tidak perlu melihat jauh untuk mencari wira-wira seperti ini. Lihat sahaja di sekitar paroki atau kawasan kejiranan anda dan kenalpasti wira anda sendiri. Jika anda melihat dengan teliti dan penuh cintakasih untuk Tuhan dan jiran anda, wira-wira ini akan muncul dengan sendirinya. Kita boleh melihat ini pada mereka yang melayani di Ministri Penjara atau pada seorang ibu muda, yang walaupun sibuk di rumah dan bekerja, tetap mendedikasikan dirinya untuk memberikan perkhidmatan pendidikan secara percuma buat anak-anak miskin di dalam komunitinya. Apa yang menyentuh perasaan saya adalah mereka telah 'mencipta' wira-wira yang lain hasil dari dedikasi dan pelayanan mereka.

Melalui wira-wira seperti inilah kita dapat lebih memahami dan menghargai pengorbanan Yesus di kayu salib. Tindakan seperti ini dilakukan dengan bermurah hati kepada semua orang dan tiada siapa yang dikecualikan. Tidak ada perarakan atau ganjaran untuk golongan wira-wira seperti ini. Tiada sesiapa yang melihat atau perasan atau bahkan memuji. Justeru itu janji Kristus di dalam Matius 6:4 "Bapamu yang melihat amalmu yang tersembunyi itu akan memberikan ganjaran kepadamu."

Jadi, apakah yang perlu kamu lakukan untuk mengeluarkan sedikit kewiraan di dalam dirimu, iaitu, dengan berkongsi kasih kepada yang lain? Untuk meluangkan masa dari kesibukan diri untuk merasakan keagungan dari Tuhan dan untuk mempersembahkan kembali kepada Dia? Sama seperti wanita miskin yang menawarkan dua keping duit syiling yang berharga miliknya, adakah kita berani mengatakan, "Inilah bahagian saya Tuhan!" Peluang untuk berbuat demikian adalah besar kerana keperluan di sekeliling kita sangat banyak sekali. Kita tidak perlu menyarung busana kostum wira yang ketat. **Kita hanya perlu patuh kepada Yesus untuk mencintai dan melayani.** Hanya itu yang diperlukan. Dan segalanya yang diperlukan. †

Perkataan minggu

Kita hanya perlu patuh kepada Yesus untuk mencintai dan melayani.

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-32

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:
**PANGGILAN HIDUP SUCI
DI DALAM KRISTUS**



Menjadi WIRA

Kebanyakan kita telah membesar bersama 'wira-wira' di dalam hidup kita. Pada setiap fasa kehidupan kita, sesetengah 'wira' menguasai pemikiran kita dan mempengaruhi cara kita berfikir serta tindakan kita. Anak lelaki saya akan mencapai ke fasa bersekolah menengah tidak lama lagi. Dia telah mengalihkan minatnya daripada haiwan kepada personaliti wira yang mempunyai kemampuan luar biasa. Sementara saya terus diinspirasi dengan kisah-kisah para wira yang luarbiasa di sekeliling saya. Namun "wira-wira" ini bukanlah

**Tetapkan
perasaan
kerana
Tuhan
menyertai
perjalanan
ini.**

- Santa Teresa
dari Avila

anda, saat dimana anda memegang anak anda buat kali pertama, hari pertama anak anda bersekolah, dan lain-lain peristiwa lain. Tetapi ada juga detik-detik tertentu, seperti bertikam lidah dengan pasangan anda, ahli keluarga atau rakan, atau saat-saat ketika anda terluka. Saat-saat yang menyedihkan.

Banyak perkara sering berubah dan kita turut berubah. Kehidupan kita seperti roda yang berputar terus di sepanjang perjalanan hidup kita. Ada perhentian yang indah dan mengasyikkan untuk disisipkan ke dalam memori kita. Ada perhentian lain yang menyakitkan. Kebanyakan waktu kita berjalan dengan sendirian, tetapi kadang kala kita bersama teman-teman yang baik. Teman kita boleh jadi ibu bapa, datuk nenek, penjaga atau rakan-rakan kita. Bahkan, ada teman sehati sejiwa yang dapat mengagak perkataan yang bakal keluar dari mulut anda sebelum sempat anda mengutarakannya.

Tidak pernah ada ketetapan di tempat mana kita berada - kegembiraan dan kepedihan, cinta kasih dan kekecewaan kita. Kadang kala perasaan emosi akan tinggal lama di dalam kita. Ada kelukaan yang masih bersisa kerana kita masih terus berpaut erat pada sesuatu peristiwa. Kita tidak dapat mengubah masa lalu mahupun kembali ke masa lampau. Walau bagaimanapun, kita boleh belajar untuk hidup mengatasi semua peristiwa-peristiwa ini, contohnya, sama ada kita mengambil sikap positif ataupun membenarkan sahaja perkara negatif memberi kesan kepada kita. Apa pun yang berlaku, itulah pilihan perjalanan kita masing-masing.

Yesus memberi kita jaminan apabila Dia bersabda tentang perjalanan hidup, iaitu, apa yang kita lakukan di dalam perjalanan akan menentukan akhir perjalanan tersebut. Dalam erti kata lain, pilihan di dalam kehidupan seharian kita akan menentukan destinasi akhir kita, di mana kita akan bersama Dia ataupun tidak. Walau bagaimanapun, Dia tetap memberikan janji-Nya kepada kita, iaitu bahawa Dia akan menemani kita, berjalan bersama kita melalui jalan yang bakal kita lalui. Janji Tuhan ini sangat menjamin kerana kasih Tuhan kepada kita adalah untuk selamanya. **Semua di sekeliling kita boleh berubah tetapi kasih-Nya adalah tetap.**

Walaupun bagaimanapun, persetujuan untuk berjalan bersama-Nya adalah mengenal dan menuju bersama-Nya kepada mereka yang hilang, yang dalam kesepian, yang lemah dan yang terpinggir. Inilah jalan yang kita pilih untuk melestarikan kehidupan, untuk memberikan kehidupan kita kepada orang lain seperti yang dilakukan oleh Yesus. Dia memberi jaminan kerana kita tahu bahawa dunia ini ada pengakhirannya satu hari nanti, lantaran itu kita tidak perlu takut kerana kita tidak pernah berjalan sendirian. †

**Perkataan
mingguan**

**Semua di sekeliling
kita boleh berubah
tetapi kasih-Nya
adalah tetap.**

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-33

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

**PANGGILAN HIDUP SUCI
DI DALAM KRISTUS**

**CAKAP
SERUPA
BIKIN**

Saya masih ingat akan ungkapan ini: "Kehidupan diibaratkan seperti tisu tandas; ia menggulung habis dengan pantas". Mungkin, anda hanya boleh mengaitkan ini apabila anda berada di satu tahap dimana anda merasakan kehidupan anda seolah-olah berlalu dengan begitu saja, dan anda mula bertanya kepada diri sendiri apa yang telah berlaku. Beberapa peristiwa anda mungkin dapat ingat dengan jelas - menamatkan pengajian anda, hari pertama di tempat kerja, hari perkahwinan

Tuhan lebih besar dari segalanya: Cukuplah apa yang aku perkatakan ini.

- Santo Patrick

Seolah-olah sudah menjadi satu tugas untuk kita meluangkan masa untuk Yesus di masa kini. Ia bagaikan beban dimana kita lebih suka tidak melakukan, jika boleh. Ada di antara kita yang mungkin mendakwa bahawa kita telah melakukan melaksanakan tanggungjawab Katolik kita dengan menghadiri Misa Kudus pada hari Ahad. Sudah tentu Tuhan tidak mengharapkan lebih daripada itu kan? Seperti Pilatus yang bertanya kepada Yesus, "Adakah kamu Raja orang Yahudi?" Dengan berbuat demikian, dia memisahkan dunianya dengan dunia orang Yahudi; masalah mereka bukan menjadi masalahnya, Tuhan mereka bukan menjadi Tuhannya. Begitu juga, mungkin kita juga "memisahkan" diri kita daripada Yesus apabila kita mendakwa bahawa kita tidak mempunyai masa untuk Yesus.

Seperti persembahan kurang sempurna yang diberikan Kain kepada Tuhan, kita juga berkemungkinan memberikan persembahan yang "kurang sempurna" di dalam hubungan kita dengan Yesus. Yesus bukan hanya Raja orang Yahudi. Dia adalah Raja kita. Dia adalah Tuhan kehidupan kita - kejadian dan kewujudan kita. Segala sesuatu yang kita lakukan dan kita rasakan harus dipersembahkan kepada Yesus Kristus, kerana pada akhirnya kehidupan kita adalah milik-Nya. Yesus, Raja dan saudara kita, sangat memahami kita dan berkongsi segala kesakitan dan kegembiraan dengan kita. Dia adalah Raja paling istimewa yang mengasihi kita dan memberikan hidup-Nya untuk kita. Oleh itu, marilah bertanya kepada diri sendiri, "Di dalam hubungan kita dengan Yesus, apakah kita membuat pilhan dengan bijak? Adakah kita terus mengekalkan kehidupan kita yang lama seperti Kain? Adakah kita 'memisahkan' hidup kita daripada Yesus seperti Pilatus? Atau adakah kita mengakui bahawa Yesus adalah Raja kita dan justeru Dia berkuasa ke atas seluruh hidup kita? **Adakah Yesus Kristus benar-benar menjadi RAJA untuk kamu dan saya?** †

Perkataan mingguan

Adakah Yesus Kristus benar-benar menjadi RAJA untuk kamu dan saya?

Newtbec

25 NOVEMBER 2018

NEW WAY OF BEING CHURCH

Perayaan Kristus Raja

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:
**PANGGILAN HIDUP SUCI
DI DALAM KRISTUS**

Memilih Dengan BIJAK

Beberapa kali kita mendengar orang mengatakan bahawa ramai orang tidak mempunyai masa untuk berkumpul sebagai satu KED atau kehidupan mereka terlalu sibuk atau kepentingan Gereja hadir hanya selepas keluarga. Samaada kita mengakuinya atau tidak, ini adalah situasi normal pada masa kini. Mari kita bertanyakan kepada diri kita, jika kita benar-benar cintakan iman kita, berapa banyak masa yang kita luangkan di dalam sehari untuk merenung melalui iman ini? Adakah Kristus Raja di dalam hidup kita, atau adakah kita menjadi raja dengan sendirinya?

